

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : UPACARA PENUTUP PESTA MINGGU SARAWAK
Lokasi : HOTEL SHANGRI-LA, KUALA LUMPUR
Tarikh : 01-12-1987

Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Haji Abdul Taib bin Mahmud, Ketua Menteri Sarawak dan isteri;

Yang Berbahagia Tan Sri Hajah Aishah Ghani, Pengerusi Karyaneka;

Yang Berhormat Menteri-Menteri dan Timbalan-Timbale Menteri;

Dif-Dif Kehormat;

Puan-Puan dan Tuan-Tuan yang dihormati sekalian.

Saya berasa gembira kerana dijemput untuk merasmikan Upacara Penutup Pesta Minggu Kebudayaan dari negeri Kenyalang, Sarawak yang berakhir pada hari ini.

2. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak penganjur iaitu Syarikat Pemasaran Karyaneka dan Kerajaan Negeri Sarawak yang telah berusaha mengadakan Pesta ini. Saya sedar, mereka telah menghabiskan banyak masa untuk membuat perancangan yang teliti dan bekerja keras bagi menjayakan Pesta ini. Saya berasa bangga melihat usaha dan titik peluh mereka telah mendapat sambutan baik daripada orang ramai.

3. Para pengunjung Pesta Minggu Sarawak ini telah dapat menyaksikan berbagai demonstrasi yang menarik, daripada seni anyaman pua kumbu, anyaman buluh dan karangan manik, hinggalah seni membuat terendak dan selayah kelingkan.

Mereka juga telah berpeluang untuk mencuba berbagai hidangan lazat dari Sarawak dan mungkin sempat mempelajari beberapa rentak langkah mudah setelah menyaksikan persembahan tarian-tarian tradisional kaum Iban, Bidayuh dan Orang Ulu.

Puan-Puan dan Tuan-Tuan, 4. Sebagai seorang yang sangat menghargai dan menyokong kesenian, kraftangan dan kebudayaan, saya gembira dengan rancangan promosi Karyaneka yang disusun untuk tahun depan, iaitu untuk memperkenalkan kebudayaan dan kraftangan negeri-negeri di Malaysia.

5. Adalah agak sukar untuk melawat ke semua 14 buah negeri di Malaysia, yang setiap satunya mempunyai kebudayaan, kraftangan dan makanannya yang tersendiri, lebih-lebih lagi bagi para pelancong asing yang membuat lawatan singkat ke negara ini.

6. Oleh yang demikian, promosi seperti ini dan pameran tetap kraftangan Karyaneka dari negeri-negeri di Malaysia, akan menawarkan pusat setempat yang menyenangkan bagi seseorang mempelajari dan melihat berbagai kebudayaan dan hasil kraftangan.

7. Lebih penting lagi, minggu negeri-negeri ini akan memberi peluang kepada kita untuk mempelajari tentang kesenian dan kebudayaan dan mewujudkan persefahaman yang lebih baik lagi di antara rakyat negara kita ini. Ini adalah sumbangan besar kepada konsep integrasi nasional yang sangat penting kepada kita, kerana negara kita sekarang sudah mencapai usia 30 tahun.

8. Penonjolan warisan kita menerusi pameran kebudayaan dan kraftangan ini juga memberi peluang kepada generasi muda untuk menghayati dan menghargai warisan mereka dan menanamkan minat terhadap kebudayaan dan kraftangan negara kita.

9. Daripada segi ekonomi, acara-acara seperti ini membantu memajukan industri kraftangan yang telah mula menjadi sumber pendapatan penting, terutama sekali kepada penduduk luar bandar.

10. Apabila orang ramai mula mengetahui bahawa setiap negeri berbeza dan menawarkan berbagai daya tarikan, mereka mungkin lebih berminat untuk melancong ke tempat-tempat menarik di negara sendiri.

11. Akhir kata, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Kerajaan Negeri Sarawak terutamanya kepada Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Haji Abdul Taib bin Mahmud, Ketua Menteri Sarawak, yang telah meluangkan masa untuk merasmikan pembukaan Minggu Sarawak dan juga turut hadir di Majlis Penutup pada malam ini. Kejayaan Pesta Minggu Sarawak ini adalah hasil daripada kerjasama dan bantuan daripada kerajaan Negeri Sarawak dan Karyaneka dan saya mengucapkan berbilang terima kasih. Dengan berakhirnya Minggu Sarawak ini, saya berharap pengusaha-pengusaha dan pembekal-pembekal dari Sarawak akan terus menghasilkan barang-barang tempatan yang tentu sekali telah menarik perhatian pelawat-pelawat di Karyaneka dalam minggu Sarawak ini.

12. Dengan harapan itu, saya dengan sukacitanya menutup Minggu Sarawak dengan rasminya.